



08:45 am

7 Mac 2025, Jumaat 6 Ramadan, 1446 H

Kuantan

Imsak	Subuh	Zohor	Asar	Maghrib	Isyak
05:59 am	06:09 am	01:21 pm	04:33 pm	07:23 pm	08:32 pm



Ladang kelapa terbakar: Kerajaan pertimbang laksana pembenihan awan

Asrol Awang
am@hmetro.com.my



NIK Nazmi (tengah) meninjau ke kawasan kebakaran hutan ladang kelapa di Jalan Pintasan Kuantan-Sungai Ular Gebeng, Kuantan. FOTO Muhammad Delima Atan.

Kuantan: Kerajaan sedia mempertimbangkan cadangan untuk melaksanakan pembenihan awan dalam usaha membantu memadamkan kebakaran ladang kelapa di belakang Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan (MCKIP) Gebeng di sini sejak 22 Februari lalu.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata bagaimanapun, pelaksanaan itu perlu mengikut prosedur termasuk perbincangan dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia).

Katanya, pelaksanaan tidak boleh dilakukan secara tiba-tiba kerana ia memerlukan penelitian sama ada awan itu sesuai untuk melaksanakan proses pembenihan berkenaan.

"Kita juga akan mendapatkan pandangan daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk mendapatkan langkah terbaik bagi operasi pemadaman," katanya pada sidang media selepas meninjau keadaan semasa kebakaran ladang kelapa yang memasuki hari ke-12, hari ini.

Disyorkan

- [Mohamad Hasan tiba di Jeddah untuk sesi tergepar OIC mengenai Gaza](#)
- [Fifa pertimbang perluas Piala Dunia 2030 kepada 64 pasukan](#)
- [1,500 mangsa penipuan pekerjaan di Myanmar dihantar pulang setiap minggu](#)
- [Pirelli gantikan Michelin sebagai pembekal tayar MotoGP](#)
- [2 bekas kakitangan Teresa Kok ditahan SPRM](#)

Ditanya mengenai Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan yang diadakan di Kuala Lumpur semalam, Nik Nazmi berkata, cuaca di negara ini beralih kepada cuaca panas dan kering berbanding Monsun Timur Laut (MTL) sebelum ini.

Katanya, mesyuarat itu membincangkan dan mengumpul maklumat terkini mengenai status kualiti udara dan menyelaraskan usaha membabitkan pelbagai kementerian dan agensi termasuk kerajaan negeri.

"Kita lihat taburan hujan berkurangan kerana kita berada pada fasa akhir MTL.

"Bagi kebakaran ladang kelapa di sini (Kuantan), ia (kebakaran) yang terbesar tahun ini.

"Kita lihat bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) juga mencecah lebih 250 ketika puncak dan kebakaran ini sudah memasuki hari ke-12.

"Dengan kerjasama semua pihak yang sedang bertungkus lumus dalam keadaan cuaca kering dan anggota yang berpuasa sebagai cabaran buat anggota," katanya.

Sejak 22 Februari lalu, kebakaran kawasan ladang kelapa terbabit meningkat kepada lebih kepada 130 hektar dan setakat ini, seluas 98 hektar berjaya dipadamkan.